

**SULIT**  
**3766/1**  
**Perniagaan**  
**Kertas 1**  
**2023**  
**1jam 15 minit**



**UJIAN DIAGNOSTIK SPM 2023**  
**TINGKATAN 5**

---

---

**PERNIAGAAN**

**KERTAS 1**  
**Satu Jam Lima Belas Minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A,B,C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan dibenarkan*

---

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak



### Jawab semua Soalan

1. Berikut merupakan matlamat penubuhan organisasi bukan bermotifkan keuntungan (OBBU)
  - A. Untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna .
  - B. Untuk memperolehi keuntungan
  - C. Untuk mengembangkan perniagaan
  - D. Untuk meningkatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan kemasyarakatan .
  
2. Pernyataan di bawah menerangkan tentang sebuah milikan perniagaan

Satu bentuk perniagaan alternatif yang menggabungkan ciri – ciri perkongsian dengan Syarikat Sendirian Berhad .

Apakah bentuk milikan perkongsian diatas :

- A. Perkongsian Biasa .
  - B. Perkongsian Berhad .
  - C. Perkongsian Liabiliti Terhad .
  - D. Perkongsian Profesional .
- 
3. Berikut merupakan logo bagi sebuah Perniagaan Francais



Kebaikan perniagaan diatas kepada francaisor adalah

- A. Kesukaran memilih barang
- B. Berkongsi risiko dan tanggungjawab
- C. Peningkatan kos dalam pengurusan perniagaan
- D. Struktur pengurusan perniagaan yang besar .

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm  
Perniagaan K1 Melaka 2023



4. Rajah di bawah mengenai sektor perniagaan .



**X** merupakan perniagaan perkhidmatan dalam sektor ketiga , **X** adalah

- A. Peruncitan
  - B. Perbankan
  - C. Kesihatan komuniti
  - D. Pengiklanan
5. Pernyataan di bawah mengenai Pasaran Domestik

- Membekalkan barang dan perkhidmatan di kawasan tertentu sahaja
- Saiz pasaran kecil
- Kos perniagaan yang rendah

Berikut merupakan ciri – ciri bagi perniagaan berskala

- A. Tempatan
- B. Zon
- C. Negeri
- D. Global



6. Maklumat di bawah berkaitan dengan skala perniagaan bagi Nenas Sedap Enterprise

Nenas Sedap Enterprise merupakan pengeluar produk berasaskan nenas . Produk keluaran perniagaannya di pasarkan ke seluruh Malaysia , Indonesia dan Singapura . Jualan Tahunan Nenas Sedap Enterprise mencecah RM 784 Juta setiap tahun dengan bilangan pekerja seramai 450 orang sahaja .

Berdasarkan pernyataan di beri , Nenas Sedap Enterprise terlibat dalam skala pasaran perniagaan

- A. Domestik
- B. Tempatan
- C. Negeri
- D. Antarabangsa

7. Pernyataan berikut mengenai pelepasan cukai

Diberikan kepada syarikat yang menyertai promosi kerajaan dan syarikat akan dikecualikan cukai selama 5 tahun

Pelepasan cukai tersebut adalah

- A. Elaun Pelaburan semula
- B. Taraf Perintis
- C. Potongan cukai
- D. Pengecualian cukai



8. Pernyataan dibawah mengenai jenis pengangguran


Keadaan ekonomi yang meruncing menyebabkan banyak firma di Malaysia mengurangkan tenaga pekerja bagi mengurangkan kos

Bagi mengatasi masalah pengangguran diatas kerajaan mengambil langkah menjalankan dasar

- |                  |                      |
|------------------|----------------------|
| I Dasar kewangan | III Dasar gunatenaga |
| II Dasar fiskal  | IV Dasar Buruh       |

- A. I dan II  
 B. I dan IV  
 C. II dan III  
 D. III dan IV

9. Graf dibawah menunjukkan graf kitaran ekonomi sebuah negara



Di fasa kemelesetan , nyatakan kesan kepada pendapatan negara dan perniagaan

- |                                   |
|-----------------------------------|
| I Pendapatan perniagaan meningkat |
| II Pendapatan negara merosot      |
| III Pendapatan perniagaan merosot |
| IV Pendapatan negara meningkat    |

- A. I dan II  
 B. I dan IV  
 C. II dan III  
 D. III dan IV

10. Sumber manusia luaran merujuk kepada pengambilan pekerja luar organisasi , keperluan tenaga ini memerlukan kos yang tinggi kerana
- A. Kos upah yang mahal  
 B. Penyusunan semula dalam organisasi  
 C. Kos merekrut yang tinggi  
 D. Kos motivasi pekerja



11. Berikut merupakan jenis – jenis milikan perniagaan

- Kedai Roti Atilia
- Klinik Alia N Ayuni
- Teguh Sendirian Berhad

Milikan perniagaan diatas mempunyai visi dan misi yang berbeza tetapi mempunyai objektif yang sama iaitu

- A. Membantu masyarakat setempat
- B. Meningkatkan jualan sebanyak 50 %
- C. Meluaskan pasaran
- D. Memaksimumkan keuntungan

12. Pernyataan dibawah menerangkan salah satu ciri objektif .

Mesti boleh diukur sama ada bentuk kuantitatif atau kualitatif dan pengukuran sepanjang tindakan di buat

Objektif yang mematuhi ciri diatas adalah

- A. Mengeluarkan 15 000 buah kereta dalam masa 6 bulan
- B. Menerima semua tempahan baju kurung sepanjang bulan Disember
- C. Mengeluarkan sebanyak mungkin tempahan kek sepanjang tahun
- D. Menghasilkan 15 menu sejuk beku untuk tempahan .

13. Maklumat di bawah berkaitan dengan pengeluaran pasu oleh Daisy Enterprise

Kos tetap : RM500 000  
 Harga : RM100  
 Kos berubah seunit : RM75  
 TPM : 20 000 sahaja

Apakah kesan kepada perniagaan Daisy Enterprise jika pengeluaran pasu hanya 20 000 unit sahaja .

- A. Perniagaan akan mendapat keuntungan
- B. Perniagaan tidak mendapat keuntungan sebaliknya kerugian
- C. Perniagaan tidak mendapat keuntungan dan tidak mengalami kerugian
- D. Perniagaan akan mendapat keuntungan yang besar



14. Pernyataan di bawah berkaitan dengan kos yang terlibat dalam pembuatan Uniform sekolah

**X** adalah kos yang tidak dipengaruhi oleh kuantiti di dalam sesuatu pengeluaran

Apakah **X**

- A. Insurans
  - B. Bahan mentah
  - C. Kos elektrik
  - D. Kos pengangkutan
15. Perniagaan yang menguasai syer pasaran yang terbesar akan memperolehi pendapatan yang tinggi dan akan menjadi pemimpin di dalam pasaran sesuatu barang . Kesan menjadi pemimpin dalam pasaran adalah
- A. Perniagaan terus kekal dalam pasaran
  - B. Perniagaan perlu membayar cukai yang tinggi
  - C. Perniagaan sentiasa diingati
  - D. Perniagaan ditakuti oleh pesaing
16. Pernyataan di bawah berkaitan dengan pengeluar kasut Alinne

Pada Mesyuarat lembaga pengarah yang lepas , didapati perniagaan telah gagal mencapai matlamat dan objektif perniagaan dan perniagaan telah mengalami masalah – masalah berikut :

- 1)Jualan tahunan merosot
- 2)Tidak mampu membayar gaji pekerja
- 3)Tidak mampu membayar hutang belian bahan mentah
- 4)Tidak mampu bersaiaing

Langkah – langkah penyelesaian yang perlu diambil oleh perniagaan ialah

- I. Menurunkan harga produk
- II. Mempelbagaikan fesyen kasut
- III. Menambahkan bilangan pekerja
- IV. Memohon pinjaman bank

- A. I dan II
- B. II dan IV
- C. I dan III
- D. III dan IV



17. Setiap perniagaan perlu mempunyai carta organisasi . Pembinaan carta organisasi menggambar beberapa aspek penting kecuali
- A. Pembahagian kerja
  - B. Hubungan antara ketua dengan pekerja
  - C. Jenis tugas
  - D. Bilangan pekerja

18. Berikut merupakan Saluran agihan 1.

Pengeluar —————> Pengguna

Barang yang boleh dipasarkan menggunakan saluran ini ialah

- A. Beras
- B. Kapal terbang
- C. Majalah
- D. Barang komestik

19

Katalog adalah senarai barang dan harga bagi barang atau perkhidmatan .

Berdasarkan pernyataan di atas , katalog di keluarkan oleh

- A. Bahagian Fungsian Pembelian
- B. Bahagian Fungsian Jualan
- C. Bahagian Fungsian Pemasaran
- D. Bahagian Fungsian kewangan

20. Pernyataan berikut berkaitan dengan perniagaan kecil

Pembayaran gaji dan bonus kepada pekerja

Nyatakan bahagian fungsian yang terlibat dalam pernyataan diatas

- A. Bahagian fungsiaan kewangan
- B. Bahagian fungsian sumber manusia
- C. Bahagian fungsian jualan
- D. Bahagian fungsian pentadbiran



21. Pernyataan manakah yang tepat mengenai maksud pengurusan sumber manusia
- A. Satu usaha mengenai pasti dan mengambil pekerja baharu dalam organisasi
  - B. Merujuk kepada pendekatan dan cara mengurus pekerja organisasi secara cekap
  - C. Satu usaha pembangunan tenaga kerja strategik untuk mencapai matlamat organisasi
  - D. Aktiviti melatih pekerja baharu untuk mencapai matlamat jangka panjang organisasi

22. Maklumat di bawah ini menunjukkan perbualan antara Encik Jacob, pengurus pemasaran Syarikat J KB Berhad dengan Encik Sarit, salah seorang jurujualnya.

Encik Jacob :	Encik Sarit, saya dapati prestasi jualan anda semakin menurun enarn bulan belakangan ini. Semua jurujual yang lain telah menunjukkan prestasi jualan yang meningkat pada tempoh masa yang sama.Boleh saya tahu mengapa prestasi anda merosot
Encik Sarit :	Minta maaf, Encik Jacob. Ramai peniaga di kawasan liputan saya sudah menutup perniagaan dan berpindah ke lokasi lain.
Encik Jacob :	Oh, kalau begitu mulai bulan depan saya akan menetapkan satu kawasan baharu yang masih belum kita liputi.
Encik Sarit :	Terima kasih Encik Jaacob Saya pasti dapat meningkatkan jualan di kawasan baharu berkenaan dalam masa dua hingga tiga bulan sahaja.

Apakah aspek pengelolaan sumber manusia yang berkaitan?

- A. Sistem penggajian
- B. Penyelesaian masalah
- C. Standard prosedur operasi
- D. Penghargaan dan hukuman



23. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Kilang Pakaian De' Chic.

Kilang Pakaian Dc'Chic mempunyai seramai 150 orang pekerja di bahagian operasi yang dibayar gaji antara RM1 200 dan RM4 000 sebulan.

Apakah faedah kepada pekerja yang diwajibkan oleh undang-undang?

- A. Bonus tunai
- B. Caruman PERKESO
- C. Kemudahan perubatan
- D. Kemudahan keselamatan

24. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Syarikat AXA Berhad.

Syarikat AXA Berhad menguruskan sumber fizikal dengan cekap.

Apakah kelebihan yang dapat dinikmati oleh syarikat dalam jangka panjang?

- A. Dapat memastikan sumber sentiasa cukup
- B. Dapat mewujudkan perniagaan yang mampan
- C. Dapat mengelakkan berlaku kerosakan sumber
- D. Dapat meningkatkan kecekapan dan kemahiran pekerja

25. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Mega Furniture Berhad.

Syarikat Mega Furniture Berhad menghasilkan pelbagai jenis perabot bermutu tinggi untuk pasaran antarabangsa. Kilang syarikat terletak di Muar, Johor. Syarikat mempunyai sejumlah 150 pekerja. Seramai 100 orang pekerja terlibat dalam operasi pengeluaran. Selain mesin, syarikat menggunakan perisian komputer yang direka cipta khas oleh jurutera syarikat untuk mengawal proses pengeluaran dan mengawasi tindak-tanduk pekerjanya.

Antara yang berikut, manakah sumber fizikal Syarikat Mega Furniture Berhad?

- I Pekerja
- II Mesin
- III Perisian komputer
- IV Kilang

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. I dan IV
- D. II dan IV



26. Antara yang berikut, manakah yang merupakan modal perniagaan sebuah agensi pengiklanan?





- I Wang tunai
- II Pereka grafik
- III Kenderaan pemilik
- IV Peralatan teknologi dan komunikasi

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan III
- D. I dan IV

27. Sumber pembiayaan manakah yang merupakan sumber dalaman bagi sebuah syarikat berhad yang ingin mengembangkan operasi pengeluaran?

- A. Rizab
- B. Overdraf
- C. Jaminan kredit
- D. Modal permulaan daripada bank

28. Antara yang berikut, manakah yang boleh didaftarkan untuk mendapat perlindungan hak cipta terpelihara?

<p>I</p> 	<p>II</p> 
<p>Kereta</p>	<p>Nota lagu</p>
<p>III</p> 	<p>IV</p> 
<p>Gambar kartun</p>	<p>Telefon bimbit</p>

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. I dan IV
- D. III dan IV



29. Pada pendapat anda, bagaimanakah pembiayaan melalui pajakan dapat membantu usahawan

- I Usahawan dapat mengelakkan masalah hutang lapuk
- II Usahawan dapat mengatasi masalah aliran tunai perniagaan
- III Usahawan dapat mengurangkan pcm-bayaran cukai pendapatan
- IV Usahawan tidak perlu menghadapi masalah aset tetap menjadi using

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

30. Maklumat yang berikut berkaitan dengan salah satu butiran kos dalam penyata pendapatan.

Perbezaan antara jumlah belian dengan pulangan belian


Apakah butiran kos berkenaan?

- A. Kos jualan
- B. Belian bersih
- C. Kos belian
- D. Kos barang untuk dijual

31. Manakah yang merupakan aset semasa?

- A. Kenderaan
- B. Kelengkapan pejabat
- C. Bangunan
- D. Inventori

32. Rajah di bawah ini berkaitan dengan pihak berkepentingan kepada penyata kewangan perniagaan.





Siapakah **X**?

- I Pihak pengurusan
  - II Institusi kewangan
  - III Pelanggan
  - IV Pengimport
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV

33. Apakah kepentingan analisis nisbah kecairan kepada usahawan?

- A. Membantu usahawan mengetahui jumlah wang tunai dalam tangan dan bank
- B. Membantu usahawan mengetahui sama ada bank akan meluluskan permohonan pinjamannya
- C. Membantu usahawan mengetahui sama ada dapat membayar pinjaman jangka pendek dengan serta-merta
- D. Membantu usahawan untuk membuat keputusan sama meningkatkan atau mengurangkan perbelanjaan operasi

34. Pada pendapat anda, mengapakah pemilihan lokasi perniagaan yang sesuai penting untuk kejayaan usahawan?

- A. Memudahkan usahawan mendapat Pembiayaan
- B. Dapat memaksimumkan jualan dan Keuntungan
- C. Memudahkan aktiviti promosi
- D. Dapat meminimumkan kos sewa

35. Kemahiran manakah yang paling penting untuk membolehkan seorang suri rumah menjalankan perniagaan menjual peralatan solek ke seluruh dunia melalui internet?

- A. Kemahiran pengurusan kewangan
- B. Kemahiran pemasaran perkhidmatan
- C. Kemahiran penggunaan teknologi maklumat
- D. Kemahiran menguruskan stok




36. Antara yang berikut, manakah ciri Syarikat Awam Berhad seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 2016?

- I Tiada had maksimum bilangan pemegang syer
  - II Tiada had maksimum bilangan pengarah syarikat
  - III Bilangan pemegang syer sekurang-kurangnya dua orang
  - IV Bilangan pengarah syarikat sekurang-kurangnya lima orang
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan IV

37. Mengapakah bank mengkehendaki usahawan yang memohon pinjaman menyediakan Proforma Penyata Aliran Tunai?

- A. Dapat menjamin perniagaan membayar balik pinjaman
- B. Dapat membantu usahawan mengelakkan pembaziran wang pinjaman
- C. Dapat membantu usahawan mengelakkan penyelewengan perniagaan
- D. Dapat menunjukkan keupayaan usahawan menjelaskan balik pinjaman

38. Rajah di bawah ini berkaitan dengan unsur campuran pemasaran



Bagi perkhidmatan bas awam, apakah yang diwakili oleh W?

- I Tempat duduk yang selesa
- II Perjalanan tepat pada masa
- III Memberi diskaun pada musim cuti
- IV Stesen bas di kawasan tengah Bandar



- A. I dan II  
 B. II dan III  
 C. II dan IV  
 D. III dan IV

39. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan contoh spesifikasi tugas.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan operasi penghasilan produk berjalan lancar</li> <li>• Memastikan keperluan stok operasi sentiasa mencukupi</li> </ul> |
|---|

Jawatan manakah yang berkaitan dengan spesifikasi tugas berkenaan?

- A. Pengurus Besar  
 B. Pengurus Pengeluaran  
 C. Pengurus Kewangan  
 D. Pengurus Sumber Manusia

Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

	Pernyataan I	Pernyataan II
<b>A</b>	Betul	Salah
<b>B</b>	Salah	Betul
<b>C</b>	Betul	Betul
<b>D</b>	Salah	Salah

- I. Sasaran jualan merujuk kepada anggaran hasil jualan dalam tempoh masa tertentu  
 II. Sasaran jualan merujuk kepada anggaran keuntungan yang bakal diterima oleh perniagaan

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

**SOALAN TAMAT**